

25/11/1997

Mahathir temui Chuan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai (gambar).

Kedua-dua pemimpin berada di bandar raya pinggir lautan pasifik Kanada ini untuk menghadiri mesyuarat peringkat pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Perdana Menteri juga mengadakan pertemuan rakan sejawatannya dari Kanada, Jean Chretien di sini, semalam. Sejak kelmarin, 18 pemimpin negara Apec, termasuk Presiden Bill Clinton dari Amerika Syarikat, Presiden Jiang Zemin dari China dan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, mula tiba.

(END)